

## LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK

Sila baca Lampiran Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil <i>Perlindungan Kad Kredit BSN</i> . Pastikan anda membaca terma-terma dan syarat-syarat umum.	<p style="text-align: center;"><b>PRUDENTIAL BSN</b> TAKAFUL  <b>Perlindungan Kad Kredit BSN</b> Pelan Takaful Keluarga Bertempoh Berkelompok (Ini adalah produk takaful)</p>
--	---

### 1. Apakah produk *Perlindungan Kad Kredit BSN* ini?

Ini adalah pelan sumbangan tunggal takaful keluarga bertempoh berkelompok yang menyediakan perlindungan takaful yang boleh diperbaharui setiap tahun. Ia memberi manfaat sekaligus apabila kematian anda atau hilang upaya kekal dan menyeluruh, sebelum umur 65 pada tarikh lahir akan datang, semasa tempoh sijil.

### 2. Apakah konsep Syariah yang berkenaan?

- *Ta`awun* - persetujuan untuk saling membantu berdasarkan prinsip pertolongan bersama. Takaful adalah berdasarkan konsep *Ta`awun* seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang bermaksud suatu persetujuan yang berdasarkan kepada pertolongan bersama di mana peserta-peserta takaful bersetuju untuk menyumbang ke dalam suatu dana yang akan memberi manfaat kewangan yang akan dibayar kepada peserta-peserta takaful atau kepada waris mereka sekiranya berlaku perkara-perkara yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Merujuk kepada perkara di atas, sumbangan yang akan dimasukkan dan dikumpulkan ke dalam dana bersama iaitu Dana *Tabarru`* adalah *Tabarru`at* (kebijikan) secara alami.
- *Wakalah bi al-ujrah* - persetujuan di mana PruBSN dilantik untuk menguruskan perkhidmatan keseluruhan yang disediakan di bawah sijil takaful anda. Sebagai upah untuk perkhidmatan, kami berhak untuk menerima Caj *Wakalah*. Selain daripada Caj-caj *Wakalah*, PruBSN juga layak menerima yuran prestasi di atas lebihan yang boleh diberikan daripada Dana *Tabarru`*.

### 3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Pelan ini melindungi:

- |                                     |   |
|-------------------------------------|---|
| • Kematian                          | - Baki Tertunggak kad kredit, seperti yang ditakrifkan di bawah, tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Induk.                 |
| • Hilang upaya kekal dan menyeluruh | - Baki Tertunggak kad kredit, seperti yang ditakrifkan di bawah, tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Induk.                 |
| • Tempoh pelan                      | - 12 bulan dari Tarikh Kemasukan, seperti yang dinyatakan di Sijil Takaful anda, tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Induk. |

**Nota: Baki Tertunggak ditakrifkan sebagai baki akaun di bawah kad kredit yang dilindungi.**

**4. Berapakah sumbangan yang saya perlu bayar?**

Jumlah sumbangan yang perlu anda bayar dan terma-terma sijil mungkin berbeza bergantung kepada penilaian kami terhadap risiko yang terlibat:

- Anggaran jumlah sumbangan bulanan yang anda perlu bayar: RM0.30 untuk setiap RM 100.00 baki penutup.
- Sumbangan dibayar secara bulanan.
- Adalah penting sebarang resit yang diterima disimpan sebagai bukti pembayaran sumbangan.

**5. Apakah potongan dan caj yang saya perlu bayar?**

Jenis	Amaun
Caj Wakalah Pendahuluan	25% daripada sumbangan bulanan kasar atau RM 0.75 bagi setiap RM 1,000.00 baki penutup.

**6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya tahu?**

- Kepentingan pengisyhtaran - anda perlu mendedahkan kepada kami mengenai fakta-fakta penting seperti status perubatan dan nyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh rujukan percuma - anda boleh membatalkan dokumen sijil takaful anda dengan menulis kepada kami dan memulangkan sijil tersebut dalam masa 15 hari dari masa kami menghantarkannya kepada anda. Kami akan memulangkan sumbangan penuh yang telah anda bayar.

*Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk sijil takaful untuk terma dan syarat di bawah sijil ini.*

**7. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah sijil ini?**

- Bunuh Diri – jika kematian adalah disebabkan bunuh diri dalam masa 1 tahun, manfaat tidak akan dibayar.
- Keadaan Sedia Ada – jika kematian atau hilang upaya kekal dan menyeluruh disebabkan oleh keadaan sedia ada dalam masa 1 tahun, manfaat tidak akan dibayar.

*Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian di bawah sijil ini.*

**8. Bolehkah saya membatalkan sijil ini?**

Mengambil bahagian dalam pelan takaful keluarga adalah komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar sumbangan anda dalam tempoh tangguh, sijil anda mungkin luput.

**9. Apakah yang perlu saya buat jika terdapat sebarang perubahan pada butir-butir perhubungan saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada butir-butir perhubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

**10. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan maklumat tambahan mengenai takaful keluarga, sila hubungi PruBSN di:

**Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)**

**Aras 13, Menara Prudential,**

**Persiaran TRX Barat,**

**55188 Tun Razak Exchange,**

**Kuala Lumpur.**

**Tel.: 03 2775 7188**

**E-mel: [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my)**

Anda juga boleh melayari laman web kami di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my)

**NOTA PENTING:**

**MENYERTAI PELAN TAKAFUL KELUARGA MEMERLUKAN KOMITMEN DARI SEGI KEWANGAN DALAM JANGKA MASA YANG PANJANG. ANDA PERLU MEMILIH SIJIL YANG PALING SESUAI UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN DIRI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL BANK ATAU HUBUNGI PRUBSN UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (“TIPS”) PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).